NAMA : _____ KELAS : _____ TARIKH : _____

(Drama : Drama Pentas Jejak Merdeka)

Baca dan fahami dengan teliti soalan di bawah ini, kemudian **jawab semua soalan-soalan yang mengikutinya**:

Tajuk Drama: 'Drama Jejak Merdeka' – Babak 6

BAHAGIAN A

Anuar	:	Demi anak papa, papa akan sedia memberikan bantuan.
Naziha	:	Perniagaan mama akan dibesarkan. Ia tidak lagi akan berniaga di tepi jalan. Kami sudah ada tempat. Naziha bercadang kalau boleh hidangan ini menjadi menu di restoran dan di hotel.
Anuar	:	Cita-citamu tinggi, Naziha. Papa akan berdiri di belakangmu.
Naziha	:	Naziha berpegang kepada tema sambutan Hari Kebangsaan tahun ini papa. Mempertingkatkan daya saing bangsa.
Rusinah	:	(*menyampuk*) Naziha sekarang bukan Naziha yang abang tinggalkan setahun yang lalu. Fikirannya sudah matang.
Naziha	:	Mama, janganlah puji Naziha tinggi melangit. Nanti kalau jatuh, kankah sakit? Naziha bimbang diri ini akan jadi riak.
Rusinah	:	Mama memuji kena pada tempatnya. Bukan berudang di balik batu. Mama dapat melihat wawasan dan arah tujumu.
Anuar	:	Tak sangka anak papa sudah matang. Tentu tak lama lagi akan kena pinang ya mama. (*ketawa*)
Rusinah	:	Tepat sekali dugaan abang itu. Tak lama lagi kita bakal dapat menantu. (*ketawa*)

(Jejak Merdeka - Babak 6 muka surat: 15)

1. Apakah yang akan dilakukan oleh Anuar untuk membantu Naziha?
   A. Memberikan nasihat sahaja
   B. Memberikan bantuan
   C. Membuka restoran
   D. Mencari pekerja

2. Di manakah perniagaan mama sebelum ini dijalankan?
   A. Di hotel
   B. Di restoran
   C. Di tepi jalan
   D. Di pasar raya

3. Apakah rancangan Naziha terhadap hidangan tersebut?
   A. Menjualnya di pasar
   B. Menjadikannya menu di restoran dan hotel
   C. Memberikannya kepada jiran
   D. Menjualnya secara dalam talian

4. Siapakah yang memuji Naziha kerana fikirannya sudah matang?
   A. Anuar
   B. Rusinah
   C. Papa
   D. Marina

5. Apakah tema sambutan Hari Kebangsaan yang disebut oleh Naziha?
   A. Memupuk semangat perpaduan
   B. Mempertingkatkan daya saing bangsa
   C. Meningkatkan ekonomi keluarga
   D. Menghargai jasa pahlawan

6. Mengapakah Anuar menyokong cita-cita Naziha?
   A. Kerana cita-cita Naziha tidak terlalu tinggi
   B. Kerana Naziha ingin membantu keluarganya
   C. Kerana Anuar melihat Naziha mempunyai cita-cita yang tinggi
   D. Kerana Rusinah meminta Anuar menyokongnya

7. Apakah perubahan yang berlaku kepada Naziha menurut Rusinah?
   A. Naziha menjadi lebih pendiam
   B. Naziha menjadi lebih matang dalam pemikiran
   C. Naziha tidak lagi berminat dalam perniagaan
   D. Naziha menjadi seorang yang sombong

8. Apakah maksud ungkapan "tinggi melangit" dalam dialog Naziha?
   A. Sangat jauh
   B. Sangat tinggi
   C. Sangat sukar
   D. Sangat rendah

LIVEWORKSHEETS

NAMA : _____ KELAS : _____ TARIKH : _____

9. Mengapakah Naziha bimbang apabila dipuji oleh mamanya?
   A. Dia takut mamanya marah
   B. Dia takut gagal dalam perniagaan
   C. Dia bimbang menjadi riak
   D. Dia tidak suka dipuji

10. Apakah yang dimaksudkan oleh Rusinah dengan "Bukan berudang di balik batu"?
   A. Pujian diberikan dengan tujuan tertentu
   B. Pujian diberikan dengan ikhlas
   C. Pujian diberikan kerana kasihan
   D. Pujian diberikan untuk menyindir Naziha

11. Apakah nilai yang paling jelas ditunjukkan oleh Anuar dalam dialog tersebut?
   A. Keberanian
   B. Kasih sayang dan sokongan terhadap anak
   C. Kerendahan diri
   D. Kejujuran

12. Berdasarkan dialog, apakah yang dapat disimpulkan tentang perwatakan Naziha?
   A. Seorang yang mudah berputus asa
   B. Seorang yang bercita-cita tinggi dan mempunyai wawasan
   C. Seorang yang mementingkan diri sendiri
   D. Seorang yang takut menghadapi perubahan

13. Apakah kepentingan tindakan Naziha mengaitkan cita-citanya dengan tema Hari Kebangsaan?
   A. Menunjukkan cita-citanya selari dengan usaha meningkatkan daya saing bangsa
   B. Membuktikan bahawa dia mahu menjadi terkenal
   C. Menunjukkan bahawa dia mahu bersaing dengan keluarganya
   D. Membuktikan bahawa dia tidak memerlukan bantuan keluarganya

14. Apakah yang dapat diramalkan berdasarkan perbualan Anuar dan Rusinah pada akhir dialog?
   A. Naziha akan meninggalkan keluarganya
   B. Perniagaan keluarga akan ditutup
   C. Naziha bakal berkahwin
   D. Naziha akan berhenti berniaga

15. Apakah mesej utama yang paling sesuai berdasarkan keseluruhan dialog?
   A. Anak-anak harus mengikut semua kehendak ibu bapa.
   B. Kejayaan seseorang bergantung sepenuhnya kepada bantuan keluarga.
   C. Sokongan keluarga dan sikap matang dapat membantu seseorang mencapai cita-cita.
   D. Perniagaan kecil tidak mempunyai peluang untuk berkembang.

[15 Markah]

LIVEWORKSHEETS

NAMA : _____ KELAS : _____ TARIKH : _____

BAHAGIAN B

1. Apakah dua rancangan Naziha berkaitan dengan perniagaan mamanya? [4 markah]

_____

_____

_____

_____.

2. Berdasarkan dialog tersebut, jelaskan dua perwatakan Naziha yang dapat dikenal pasti. Berikan bukti yang sesuai. [4 markah]

_____

_____

_____

_____.

3. Pada pendapat kamu, mengapakah sokongan keluarga penting dalam usaha seseorang mencapai cita-citanya? [2 markah]

_____

_____

_____

_____.

LIVEWORKSHEETS